

***ANTARA DENDAM DENGAN PERJUANGAN***

**DARIPADA PERSPEKTIF**

**PENSEJARAHAN BAHARU**

**MOHD SYUKOR ABDULLAH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

***ANTARA DENDAM DENGAN PERJUANGAN***  
**DARIPADA PERSPEKTIF**  
**PENSEJARAHAHAN BAHARU**

oleh

**MOHD SYUKOR BIN ABDULLAH**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera

**Mac 2019**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran dipanjatkan kepada ALLAH S.W.T kerana mengurniakan kelapangan dan kekuatan bagi menyiapkan tesis sarjana ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya dedikasikan khusus buat Dr. Chow Sheat Fun selaku Penyelia Utama dan juga Dr. Sakinah Abu Bakar selaku Penyelia Bersama sarjana ini atas peruntukan masa serta komitmen mereka sepanjang proses merealisasikan tesis ini. Tanpa tunjuk ajar serta bimbingan daripada mereka berdua, tidak mungkin tesis ini mampu disiapkan.

Seterusnya ucapan terima kasih juga saya rakamkan buat Allahyarham Cikgu Ali Jusoh dan keluarga yang sudi menerima kunjungan saya walaupun beliau berada dalam keadaan yang tidak mengizinkan ketika itu. Al Fatihah buat arwah Cikgu Ali. Dititipkan juga ucapan terima kasih buat Pusat Dokumentasi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan guru sejarah SMK Dato' Mohd Said, khususnya Cikgu Faridah Abu Bakar, Cikgu Nor Hafzan, Cikgu Nurus Nurhafizan serta rakan-rakan guru yang sentiasa bersedia memberikan buah fikirannya sepanjang penghasilan tesis ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya lontarkan buat pihak MyBrain, Kementerian Pendidikan Malaysia yang membiayai kajian ini bagi sidang 2015/2016. Tajaan yang diberikan ini secara tidak langsung telah memudahkan urusan perjalanan tesis ini. Malahan dengan tajaan ini juga telah menyuntik semangat saya untuk memberikan yang terbaik dalam penghasilannya. Adalah menjadi harapan agar tesis ini juga menjadi pencetus kepada kajian-kajian lanjut yang akan datang

dalam menambahkan ilmu serta pengetahuan masyarakat berkaitan sejarah perjuangan bangsa bagi memperoleh kemerdekaan.

Penghargaan yang tidak terhingga juga saya titipkan buat isteri tercinta, Azrina Abdullah yang bukan sahaja memberi sumbangan idea yang bernas, malahan turut memberi sokongan dan dorongan tanpa henti agar dapat saya siapkan tesis ini sebaik mungkin. Buat anakanda tersayang Mohamad Harith Zafri dan Mohamad Izzat Zafran, tesis ini adalah hadiah buat kalian atas pengorbanan masa serta kasih sayang kalian di sepanjang proses penghasilan tesis. Harapan ayahanda agar anakanda berdua dapat menjadikan usaha ini sebagai pendorong untuk kalian lebih berjaya dalam menuntut ilmu kelak. Begitu juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa; Rabiah Hanafiah dan Husain Ismail dan juga ibu bapa mertua Rasidah Hashim dan Abdullah Majid yang sentiasa mendoakan yang terbaik buat anakandamu. Tidak juga dilupakan buat seluruh keluarga serta teman-teman sekerja yang sentiasa mendoakan kejayaan tesis ini.

## SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii	
Senarai Kandungan	iv	
Glosari	vi	
Abstrak	vii	
Abstract	x	
<b>BAB 1</b>		
<b>PENGENALAN</b>		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Kepentingan Kajian	10
1.5	Skop Kajian	11
1.6	Teori dan Metodologi	15
1.7	Kajian Lepas (Tinjauan Literatur)	23
1.8	Organisasi Kajian	37
<b>BAB 2</b>		
<b>ELEMEN-ELEMEN SEJARAH DALAM NOVEL <i>ANTARA DENDAM DENGAN PERJUANGAN (ADDP)</i></b>		
2.1	Pendahuluan	42
2.2	Sepintas Lalu Biodata dan Sisi Kepengarangan	43
2.3	<i>ADDP</i> : Sebuah Novel Sastera Sejarah	47
2.4	Watak-watak Utama Dalam Novel <i>ADDP</i>	51
2.5	Peristiwa-peristiwa Bersejarah Di Pahang Dalam <i>ADDP</i>	60
	2.5.1 Kebangkitan Pahlawan Di Pahang	62
<b>BAB 3</b>		
<b>PEMIKIRAN PENGARANG DALAM NOVEL <i>ADDP</i> DARIPADA PERSPEKTIF PENSEJARAHAN BAHARU</b>		

3.1	Pendahuluan	76
3.2	Aspek-aspek Pemikiran Ali Jusoh Sebagai Elemen Kajian	78
	3.2.1 Sejarah	78
	3.2.2 Penjajah Daripada Perspektif Pengarang	87
	3.2.3 Kesedaran Kepada Akar Umbi (Pembinaan Jati Diri Bangsa)	102
	3.2.4 Konsep Perpaduan	107
	3.2.5 Indoktrinasi Barat Menerusi Pendidikan	114
	3.2.6 Penguasaan Ekonomi Negeri Pahang Oleh Inggeris	120
3.4	Kesimpulan	121

#### **BAB 4**

#### **MENELITI WATAK-WATAK DALAM *ADDP* DARIPADA PERSPEKTIF PENSEJARAHAN BAHARU**

4.1	Pendahuluan	126
4.2	Watak dan Perwatakan	127
	4.2.1 Watak Penyamaran dan Pelarian	130
	4.2.2 Bahaman, Ahmad dan Ishak : Tokoh Agama dan Pejuang Sufi	143
	4.2.3 Abdul Rahman dan Ahmad : Adiwira Persilatan	150
	4.2.4 Bahaman dan Mat Kilau : Panglima Perang	156
	4.2.5 Tok Ku Paloh: Agamawan, Ahli Siasah dan Diplomasi	158
	4.2.6 Klipod : Penjajah Inggeris	166
	4.2.7 Zaki Hamidon : Melayu Berjiwa Inggeris	176
4.3	Kesimpulan	185

#### **BAB 5**

<b>RUMUSAN</b>	191
----------------	-----

<b>BIBLIOGRAFI</b>	208
--------------------	-----

#### **LAMPIRAN**

## GLOSARI

1. ADDP Antara Dendam Dengan Perjuangan
2. DB Datuk Bahaman
3. MK Mat Kilau
4. TG Tok Gajah
5. HC Hugh Clifford
6. ZH Zaki Hamidon
7. MCKK Malay College Kuala Kangsar
8. SITC Sultan Idris Training College

***ANTARA DENDAM DENGAN PERJUANGAN***  
**DARIPADA PERSPEKTIF PENSEJARAHAN BAHARU**

**ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertitik tolak daripada novel *Antara Dendam Dengan Perjuangan* karya Ali Jusoh yang merentetkan semula sejarah Pahang melalui kebangkitan Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah menentang Inggeris. Walaupun novel tersebut bersifat fiksyen, namun melalui bacaan yang diselarikan dengan fakta sejarah memperlihatkan kesetiaan pengarang terhadap fakta-fakta tersebut. Namun melalui perspektif Pensejarahan Baharu, pengarang tidak hanya menyalin kisah sejarah lampau, sebaliknya pengarang juga dilihat turut membina sejarah fiksyen yang diterjemahkan dalam konteks yang lebih terbuka serta mencabar pensejarahan itu sendiri. Fragmen yang mengisahkan ‘kehilangan dan kematian’ tokoh-tokoh pejuang Pahang meninggalkan satu enigma dalam sejarah tanah air khususnya Pahang. Pelbagai persoalan ditimbulkan tentang sejauh manakah kebenarannya pengisytiharan kematian yang diwawarkan Inggeris. Kelompangan episod tersebut membuka peluang untuk pengarang mencipta serta melengkapkan sejarah marginal yang mungkin sengaja disisihkan demi kepentingan penjajah serta pelbagai pihak. Mendekati karya ini melalui perspektif Pensejarahan Baharu ternyata mampu merungkai persoalan-persoalan tersirat yang membawa kepada kebangkitan tokoh pejuang Melayu Pahang. Kajian ini menyasarkan empat objektif utama. Pertama ialah mengenal pasti unsur sejarah yang terdapat dalam novel *Antara Dendam Dengan Perjuangan* dan menghubungkannya dengan fakta sejarah. Kedua pula menghuraikan perspektif baharu menerusi bacaan Pensejarahan Baharu dengan memperlihatkan perjalanan perjuangan tokoh yang tidak disampaikan dalam teks sejarah seperti Datuk

Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut dan Tok Ku Paloh sebagaimana yang terdapat dalam teks kreatif ini. Ketiganya adalah membongkar kelicikan ‘permainan’ penjajah melalui watak-watak penjajah Inggeris seperti Hugh Clifford atau dikenali sebagai Klipod dalam novel *Antara Dendam Dengan Perjuangan*. Objektif terakhir pula iaitu membincangkan interaksi yang berlaku antara elemen kreatif dengan elemen sejarah dalam *Antara Dendam Dengan Perjuangan*. Sebagai usaha mencapai objektif-objektif kajian yang telah digariskan, pendekatan Pensejarahan Baharu digunakan sebagai alat untuk menterjemah semula kisah sejarah yang diterapkan dalam novel ini. Penerapan teori Pensejarahan Baharu yang dikembangkan oleh Greenblatt terhadap novel ini telah membantu pengkaji untuk mendapatkan dapatan-dapatan seperti berikut: pertama novel ini mempamerkan keperibadian sebenar tokoh-tokoh pejuang Pahang yang sanggup melepaskan kemewahan hidup, pangkat serta kedudukan dengan menolak ketuanan Inggeris di Pahang. Keduanya, novel ini memberi tafsiran baharu terhadap sejarah yang melibatkan kematian tokoh-tokoh tersebut. ‘Kematian’ mereka adalah sebuah ‘kebebasan’ yang membawa kepada kehidupan baharu dengan menggunakan pelbagai nama penyamaran. Ketiga pula novel ini mempamerkan kelicikan siasah Inggeris di Tanah Melayu dalam menyusun strategi dengan melahirkan generasi Melayu-Inggeris yang bakal meneruskan legasi Inggeris di Tanah Melayu. Dapatan yang terakhir adalah novel *Antara Dendam Dengan Perjuangan* merupakan dokumen sosial yang mempamerkan interaksi sastera dan sejarah yang dibangunkan dengan menggunakan watak-watak bersandarkan tokoh sebenar mampu memberikan terjemahan yang lebih bermakna dalam konteks masa kini. Kepentingan dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai wadah dalam mendidik generasi masa kini untuk berfikir secara mencapah dan tidak menerima sesuatu secara semberono khususnya dalam hal berkaitan sejarah negara. Hal ini secara tidak langsung

menyumbang kepada pembentukan jati diri di samping memupuk serta menanam semangat patriotisme dalam diri anak bangsa masa kini.

**A STUDY OF *ANTARA DENDAM DENGAN PERJUANGAN***  
**FROM THE PERSPECTIVE OF NEW HISTORICISM**

**ABSTRACT**

The study is based on the novel of Ali Jusoh's entitled *Antara Dendam Dengan Perjuangan*. This novel narrated the history of Pahang and the rise of Datuk Bahaman, Mat Kilau and Tok Gajah against the British. Even though the text is fictitious, the loyalty of the writer to the historical facts can be revealed through parallel readings with historical texts. Therefore, through the perspective of New Historicism, the author did not only reproduce the history of the past, he was also seen as constructing a fictional history that is translated in a more open context, thus challenging the historiography itself. Fragments that describe the 'loss and death' of Pahang fighters leave an enigma in the history of the homeland, especially in Pahang. Countless questions have arisen as to how far the declaration of death proclaimed by the British colonizer is true. The vacuum in the episodes provide an opportunity for the author to create and to complement the marginal history; which was deliberately obscured for the benefit of the colonialists and various other parties. Approaching the text through the perspective of New Historicism it is possible to uncover the cryptic questions that led to the rise of the Pahang Malay fighters. This study aims to fulfil four main objectives, namely to identify the historical elements contained in *Antara Dendam Dengan Perjuangan* and to link it to the historical facts, thus elaborating a new perspective. Through New Historicism, the struggle of characters such as Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut and Tok Ku Paloh as narrated in this which is not found in historical texts is revealed. This also reveals the devious colonial 'games' that were executed by British colonial characters such as Hugh Clifford, known as Klipod

in *Antara Dendam Dengan Perjuangan*. This enables a discussion of interactions between creative elements and elements of history in the novel. In order to achieve the objectives of the study, the New Historicism approach is adopted as the platform for reinterpreting the historical story immersed in this novel. New Historicism approach; developed by Greenblatt, as applied to this study has helped the researcher to discover findings such as; firstly the novel demonstrates the real identity of the Pahang fighters who were willing to give up the luxuries of life, rank and position by rejecting British supremacy in Pahang. Secondly, this study gives a new interpretation of history regarding the deaths of such figures. Their 'death' is the 'freedom' that enables them to live a new life where they took up new names in order to conceal their real identity. Thirdly, this study exposes the British's cunning political strategy with the intention of maintaining the Malay-English generation that they have created as the English legacy in Malaya. Last but not least, this study shows that *Antara Dendam Dengan Perjuangan* is a social document, demonstrating literary and historical interactions that are developed with distinctive characters based on real characters and capable of providing more meaningful dimensions of historical meaning in the present context. The importance of this study can be used to educate today's generation to become wise and critical thinkers who not simply accept anything without deep thoughts, especially when dealing with the history of the country. This study indirectly contributes to the building of identity as well as nurture and cultivate patriotism in today's generation.

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 Pendahuluan

Proses penghasilan sesebuah karya berbentuk fiksyen kreatif pastinya memerlukan daya imaginasi yang tinggi. Di samping itu, kebijaksanaan pengarang dalam menggarap pelbagai elemen kemanusiaan dan kemasyarakatan yang ditanggapi daripada pelbagai sudut sama ada sejarah, psikologi, sosiologi, ekonomi, politik mahupun agama membolehkan karya yang terhasil menjadi lebih bermakna. Hal ini membuktikan karya sastera tidak lahir dalam keadaan vakum iaitu kosong dan tidak hanya bersandarkan imaginasi semata-mata. Karya yang dihasilkan merupakan sebuah dokumen sosial yang mencerminkan serta mempamerkan senario budaya persekitaran dan pengarangnya.

Sejarah sering diangkat sebagai latar dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Kebanyakan pengarang cenderung menggunakan kisah sejarah mahupun tokoh sejarah dalam karya kreatif. Linda Hutcheon (1988:113) mengatakan novel sejarah ialah sejenis cereka yang bermodelkan penulisan sejarah atau historiografi. Beliau turut menegaskan bahawa sejarah merupakan pemangkin kepada penulisan novel sejarah. Penghasilan novel sejarah secara tidak langsung membuktikan bahawa pengarang tidak hanya berimaginasi dalam berkarya. Hal ini secara tidak langsung menjadikan novel sejarah umpama 'serampang dua mata' iaitu sebagai medium hiburan dan juga menyampaikan informasi berkaitan peristiwa atau sejarah lampau.

Penulisan semula sejarah dalam karya fiksyen boleh dianggap sebagai satu kaedah menterjemah kembali sejarah silam dalam konteks masa kini. Tindakan ini menjadikan sejarah bukan sekadar sebuah catatan peristiwa lampau semata-mata. Menurut Hashim Ismail, (2003: 4) sejarah boleh dibina kembali dalam bentuk yang mempunyai maksud-maksud baharu untuk tujuan tertentu. Justeru, penulisan semula

sejarah berbentuk fiksi juga berperanan dalam melengkapkan peristiwa sejarah yang disisihkan sama ada secara sengaja mahupun sebaliknya.

Secara umum, sejarah merupakan rakaman atau catatan peristiwa lampau. Proses catatan semula ini memungkinkan wujudnya kecaciran sesuatu fakta yang boleh mengundang kepada wujudnya ruang-ruang kosong dalam sesebuah pensejarahan. Menurut Khoo Kay Kim, (1992: vii) perbincangan dan perbahasan hebat berlaku tentang perlunya sejarah Asia khususnya Malaysia ditulis kembali. Langkah penulisan semula ini dianjurkan kerana kebanyakan penulisan sejarah Asia termasuk juga Tanah Melayu (Malaysia) dilakukan oleh sarjana Barat. Persepsi mereka terhadap Tanah Melayu adalah bersifat *euro-centric* iaitu lebih memihak kepada Barat. Sehubungan itu, penulisan semula sejarah yang lebih berautonomi perlu dilaksanakan. Lantaran itu, para sejarawan disaran menggunakan sumber-sumber tempatan untuk mendapat perspektif baharu.

Ali Jusoh merupakan seorang novelis yang sering mengangkat kisah sejarah serta kerencaman hidup masyarakat sebagai subjek utama dalam berkarya. Adunan kisah sejarah yang dimuatkan dalam karya kreatif mampu memberikan impak positif terhadap khalayak. Karya-karya beliau tidak hanya menghiburkan, malahan ia juga berfungsi mendidik dan menyebarkan sejarah lampau sebagai iktibar buat generasi masa kini. Novel *Antara Dendam Dengan Perjuangan* (2007) seterusnya disebut *ADDP*, memperlihatkan Ali Jusoh sebagai penulis mapan yang berjaya menggarap sejarah pejuang bangsa iaitu Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Tok Gajah dan Tok Ku Paloh dalam memperjuangkan kebebasan tanah air tercinta daripada penjajah.

Novel ini berfungsi sebagai medium pencerahan kepada beberapa aspek daripada sejarah silam yang kabur dan hanya memenangkan sebelah pihak iaitu Inggeris. *ADDP* mempamerkan sejarah yang ditulis semula dari tangan serta kaca mata tempatan. Karya ini secara tidak langsung mengangkat kembali maruah serta

memberikan makna perjuangan yang lebih adil terhadap Bahaman serta rakan-rakannya. *ADDP* mempamerkan kesucian dan keikhlasan Bahaman berjuang tanpa mengharapkan balasan. Perjuangan yang beliau nyalakan perlu dibayarnya dengan harga yang tinggi. Beliau akhirnya terpaksa hidup dalam pelarian serta terpisah dari keluarga serta tanah air tercinta.

Ali Jusoh berjaya memartabatkan Bahaman serta mengangkat beliau sebagai wira bangsa. Bahaman berjaya mematahkan niat jahat Inggeris yang cuba mendidik anak Melayu menjadi 'barua' atau 'kuda tunggangan' Inggeris. Usaha Bahaman berjaya menghancurkan dendam Inggeris tidak kesampaian. Tajuk novel *ADDP* secara tidak sengaja merungkai kebangkitan Bahaman mendepani Inggeris di Pahang. Hugh Clifford menggunakan pelbagai helah untuk menghukum Bahaman yang dilabel sebagai 'penderhaka sultan'. Namun beliau ternyata gagal melaksanakannya. Lantaran itu, Zaki Hamidon yang ditampilkan sebagai anak Bahaman menjadi mangsa sengketa antara mereka. Sengketa ini dapat disimpulkan melalui peribahasa Melayu iaitu, 'tak dapat tanduk, telinga dipulas'.

Dendam Inggeris terhadap Bahaman dilunaskan dengan menjadikan Zaki Hamidon sebagai agen penjajah, namun usaha mereka digagalkan dengan kematiannya. Walaupun Zaki Hamidon gagal melaksanakan impian Inggeris di Tanah Melayu, Bahaman serta rakan-rakan masih meneruskan perjuangan mereka untuk membersihkan Tanah Melayu daripada terus dirosakkan Inggeris serta agen-agen mereka. Di samping sejarah pergolakan yang menjadi dasar naratif, novel ini juga mengetengahkan ideologi dan pemikiran yang dibawakan pengarang melalui watak utama seperti Datuk Bahaman serta sahabatnya. Dalam hal ini, pengarang memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh pejuang ini melalui pelbagai cara, sama ada secara musyawarah mahupun tindak balas langsung; terang-terangan dan secara sulit dengan tipu muslihat.

Sebagai contoh, Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah dilabel sebagai ‘pemberontak’ dan ‘penderhaka’ oleh penjajah (Jang Aisjah Muttalib, 1972: 164). Tokoh-tokoh ini dipamerkan sebagai orang-orang yang bersalah dan wajar dihukum. Namun, setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan seiring dengan peredaran masa, tokoh-tokoh tersebut mula diangkat kembali sebagaimana sepatutnya sebagai wira dan pejuang tanah air. Sehubungan dengan ini, penulisan serta penilaian sejarah bersandarkan perspektif tempatan perlu dilakukan. Langkah ini secara tidak langsung dapat memperbetulkan kembali sejarah melalui kaca mata tempatan. Sepertimana karya *ADDP* (Ali Jusoh, 2007), penulisan kembali sejarah berbentuk fiksyen secara tidak langsung mampu menyatakan kebenaran tentang sejarah tanah air sebagai santapan masyarakat, khususnya generasi muda untuk kembali mendekati dan mengenali sejarah negara. Hal ini secara tidak langsung menjungkir kembali nostalgia interaksi yang berlaku antara Tanah Melayu khususnya negeri Pahang dengan penjajah Inggeris iaitu Hugh Clifford. Melalui karya fiksyen pengarang bebas menginterpretasi suasana hubungan yang terjalin antara tanah jajahan dengan tuan penjajahnya. Malahan, penghasilan karya ini mampu mengembalikan maruah dan memartabatkan kembali perjuangan bangsa Melayu dalam meraih makna sebenar kebebasan dan kemerdekaan.

Berdasarkan novel ini, perjalanan serta sejarah perjuangan bangsa dalam usaha meraih kemerdekaan dipersembahkan secara kreatif dan sangat mengesankan kepada pembaca. Kepayahan hidup serta kesengsaraan yang terpaksa ditempuh oleh setiap pejuang terakam secara jelas. Melalui novel ini, khalayak dibawa untuk mendekati watak-watak yang mewakili tokoh pejuang seperti Datuk Bahaman<sup>1</sup>, Mat Kilau<sup>2</sup>, Tok Janggut<sup>3</sup>, Tok Gajah<sup>4</sup> dan Tok Ku Paloh<sup>5</sup> secara lebih rapat. Penentangan tokoh-tokoh ini terhadap Inggeris akhirnya telah mencetuskan fitnah serta menyebabkan pandangan serong terhadap mereka. Mereka diangkat sebagai tokoh

pejuang negara, namun mereka juga pernah dianggap sebagai pengkhianat dan pemberontak kepada pemerintah (Sultan)<sup>6</sup>. Sehubungan dengan ini, persepsi yang berat sebelah ini telah meninggalkan kesan yang mendalam di hati generasi terkemudian.

Pemilihan tokoh-tokoh pejuang Pahang seperti Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah sebagai teraju utama dalam novel *ADDP* bakal membolehkan khalayak memahami serta turut merasai kesukaran hidup dalam kongkongan serta cengkaman British pada zaman tersebut. Pada mata masyarakat, Datuk Bahaman bersama rakan-rakannya telah mati atau lebih malang lagi dianggap tewas di tangan musuh. Namun realitinya mereka hidup terbuang; terbuang daripada isteri, anak-anak dan keluarga. Mereka juga telah diisytiharkan terkorban sebagai helah dalam melemahkan dan mematahkan semangat perjuangan mereka. Namun usaha ini ternyata tidak sama sekali mematahkan keazaman mereka dalam menghalau Inggeris keluar dari Tanah Melayu. Malahan hidup dalam keterasingan ini menjadikan mereka lebih kritis dan agresif dalam merencanakan sesuatu tindakan. Secara tidak langsung keadaan keterasingan mereka telah menyemarakkan lagi semangat perjuangan mereka dalam menuntut kembali hak yang dirampas. Perjuangan tetap diteruskan walaupun langkah terbatas; gerak-geri dan tindakan sentiasa diintip dan diawasi, namun hal ini tidak mampu memadamkan semangat perjuangan yang telah sebatikan dan mengalir dalam darah mereka. Malahan lakaran perjuangan diteruskan sehingga ke titisan darah terakhir.

Tarikan utama yang terdapat dalam karya ini adalah elemen sejarah yang menjadi latar utama penceritaan. Lantaran itu, novel ini mampu menarik khalayak dari pelbagai peringkat umur untuk membacanya. Ketepatan fakta sejarah yang diasosiasikan oleh pengarang mampu membawa masyarakat untuk kembali mendekati dan memahami sejarah tanah air. Proses ini secara langsung mampu menyumbang

kepada terbentuknya masyarakat yang ‘celik’<sup>7</sup> sejarah serta mampu menghayati sejarah perjuangan bangsa. Sehubungan dengan ini, tujuan utama kajian dijalankan bukanlah sekadar mengupas elemen kreatif yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya beliau. Malah, kajian ini juga akan cuba mengupas dan mengulas fakta yang diketengahkan dalam konteks pembacaan Pensejarahan Baharu. Menurut Umar Junus (1996: 148), kaedah bacaan ini sesuai dengan perkembangan Pensejarahan Baharu, yang pada prinsipnya adalah peninjauan kembali interpretasi kita tentang karya lama.

Menginterpretasi sejarah dalam konteks Pensejarahan Baharu bukanlah bermaksud mencari kebenaran kepada fakta sejarah yang sedia termaktub dan diterima umum sebagai ‘sejarah’. Sebaliknya kajian ini akan cuba untuk menghapuskan sempadan yang terdapat dalam disiplin seperti sejarah, kesusasteraan dan sains kemanusiaan sebagaimana kenyataan di bawah:

*The new historicist perspective advocates a focus on a historical dynamic or a view of history in action. Its aim is to erase the boundaries among disciplines such as literature, history, and the social sciences.*  
(Sheena, Tony, & Terenzinha, 2008: 1098-1099)

Merujuk kenyataan di atas, pendekatan Pensejarahan Baharu dianggap mampu membawa khalayak kepada konsep pemahaman yang lebih luas dan tidak terbatas. Tambahan pula, dalam bacaan Pensejarahan Baharu fakta sejarah tidak dianggap sebagai kaku dan *rigid* semata-mata. Sebaliknya dalam konteks ini, fakta tersebut boleh diperdebatkan dan boleh berubah interpretasinya sebagai usaha mendekatkan teks sejarah dengan realiti dunia masa kini sebagaimana kenyataan berikut “...*New Historicists also affirm the reciprocity between the text and the world.*” (Gillespie Sheena et al., 2008: 1099), yang bermaksud, pengamal Pensejarahan Baharu menegaskan terdapat hubungan yang rapat antara teks dengan realiti kehidupan.

Lantaran itu, diharapkan agar kajian ini akan membuka jalan kepada kefahaman terhadap teks kreatif berunsur sejarah secara lebih jelas dan bermakna. Tambahan pula bacaan Pensejarahan Baharu akan membawa kepada interpretasi

baharu yang lebih adil. Sejarah tidak hanya tercetus untuk tatapan umum semata-mata, sebaliknya persoalan sebab dan musabab tercetusnya hal tersebut perlulah dilihat secara tuntas. Bacaan Pensejarahan Baharu juga akan membuka minda khalayak untuk melihat sejarah secara lebih terbuka. Hal ini merujuk pandangan Umar Junus yang menjadikan peristiwa melibatkan dewa Yunani Kuno sebagai analogi dalam kupasan beliau tentang Pensejarahan Baharu iaitu Hermes tidak sengaja berdusta (*direct lie*), namun tidak berjanji akan melakukan *blank page* ‘ada yang tidak di laporkan’ (Umar Junus, 1996:138-139). Merujuk tindakan Hermes, kemungkinan wujud tindakan yang disebut sebagai *direct lie* boleh berlaku sama ada secara disengajakan mahupun sebaliknya. Rentetan itu, khalayak perlu bijak dalam menilai dan mentafsirkan sesuatu peristiwa secara bijaksana dan lebih terbuka.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Menurut Abdul Halim Ali (2012b: 17), dalam bidang kesusasteraan aspek sejarah sering diangkat dan menjadi salah satu sumber perkaryaan, kritikan dan juga rujukan. Peristiwa sejarah dijadikan acuan yang membentuk dan mendasari penulisan karya sastera. Situasi ini telah membawa kepada penelitian terhadap karya-karya sastera sejarah berlandaskan teori Pensejarahan Baharu oleh sarjana-sarjana sebelum ini. Sarjana-sarjana seperti Daniel Baker (2011), C.G Shymala (2012), Pooyan Chagizi dan Parvin Ghasemi (2011), Susan C. Brantly (1991), Jan R.Veenstra (1995), Anthony B. Dawson (2014), Ismaznizam Jesmaj Azyze (2007), Abdul Halim Ali (2012b), Darni (2013), Siti Aisyah Mohamed Salim dan Ungku Maimunah Mohd Tahir (2014) dan Sakinah Abu Bakar (2010), lebih tertumpu kepada memperlihatkan hubungan karya dengan penggunaan peristiwa atau elemen sejarah seperti kekuasaan politik serta budaya yang melingkarinya. Hasil penelitian para sarjana ini daripada sudut pandang Pensejarahan Baharu juga turut memaparkan elemen sejarah yang mendasari karya-

karya sastera berfungsi sebagai refleksi kepada suasana kehidupan masyarakat dalam sesuatu zaman atau era.

Manakala tiga kajian tesis di peringkat ijazah sarjana dan juga doktor falsafah oleh Samin Bin Rabani (2016), Mohd Pauzi AB. Raof (2011) dan Shariati-Rad Saman (2014) pula memaparkan penggunaan watak serta elemen sejarah dalam karya sastera sebagai satu wadah untuk menyalurkan sejarah alternatif kepada masyarakat. Kajian-kajian ini memaparkan prinsip utama dalam Pensejarahan Baharu iaitu sejarah terdedah kepada pentafsiran semula. Sehubungan dengan ini, ketiga-ketiga pengkaji mempamerkan penggunaan watak rekaan di samping watak sebenar serta pelbagai elemen sejarah dalam sesebuah karya bakal menyumbang kepada penjonjolan isu-isu semasa secara tersirat. Hal ini menjadikan sejarah tidak lagi bersifat mutlak dan pasti, sebaliknya kebenaran yang dibawanya juga boleh diragui.

Berbeza dengan kajian-kajian lepas yang menumpukan kepada elemen-elemen sejarah, fokus kajian ini adalah bertujuan meneliti pemikiran pengarang dalam novel *ADDP* (Ali Jusoh, 2007) serta menginterpretasinya daripada perspektif Pensejarahan Baharu. Pengkajian terhadap pemikiran pengarang daripada sudut Pensejarahan Baharu belum pernah dilakukan. Melalui novel ini, pengarang tidak sekadar melengkapkan sejarah kebangkitan Bahaman dan Mat Kilau, malahan pengarang turut memberikan kemenangan serta mengangkat martabat serta maruah mereka sebagai pejuang bangsa. Lantaran itu, karya ini dilihat sebagai wahana untuk pengarang menyalurkan idea serta pemikirannya dalam menimbal balik sejarah perjuangan tokoh-tokoh tersebut. Menyedari kelompangan ini, maka kajian ini merupakan satu usaha untuk memenuhi keperluan tersebut. Hal ini adalah bertepatan dengan prinsip Pensejarahan Baharu iaitu pemahaman terhadap teks perlu ditafsir dari segi konteks sejarahnya. Bahkan, sejarah bukan sekadar rakaman atau fotokopi peristiwa lampau. Sejarah seharusnya memberi makna kepada kehidupan manusia di luar teks.

Justeru, mendekati pemikiran pengarang melalui novel *ADDP* (Ali Jusoh, 2007) daripada perspektif Pensejarahan Baharu mampu memberikan tafsiran baharu serta berupaya mengembalikan keadilan kepada Bahaman dan rakan-rakannya. Hal ini secara tidak langsung membawa perspektif baharu dalam memahami perjalanan sejarah para pejuang bangsa Melayu. Penggunaan unsur sejarah dalam karya kreatif dapat menyumbang pembinaan jati diri di samping dapat menarik minat generasi muda terhadap sejarah. Hal ini menjadikan novel ini dipilih untuk diteliti daripada perspektif Pensejarahan Baharu. Bersesuaian dengan prinsip yang dibawa dalam Pensejarahan Baharu iaitu untuk tidak melihat sejarah sebagai sejarah, sebaliknya melihat sejarah sebagai sesuatu yang diwakilinya. Tindakan ini membuktikan sejarah bukanlah sesuatu yang konkrit (Abdul Halim Ali, 2012: 36-37). Melalui semangat Pensejarahan Baharu, sejarah dilihat benar-benar terbuka kepada sebarang makna dan tafsiran. Penerokaan pemikiran Ali Jusoh dalam *ADDP* secara tidak langsung menyumbang kepada dekonstruksi keobjektifan sejarah serta memantulkan kerelatifan sejarah dengan makna yang baharu.

### 1.3 Objektif Kajian

*ADDP* (Ali Jusoh, 2007) merupakan novel yang dihasilkan dengan berlatarkan sejarah perjuangan tokoh-tokoh terkenal Tanah Melayu dalam usaha membebaskan diri daripada cengkaman pihak Inggeris. Melalui karya ini dapat diperlihatkan pelbagai episod perjuangan, penentangan dan kesan akibat asakan serta provokasi penjajah yang dihadapi oleh setiap tokoh. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk;

- i) Mengenal pasti unsur sejarah yang terdapat dalam *ADDP* dan menghubungkannya dengan fakta sejarah.

- ii) Menghuraikan perspektif baharu menerusi bacaan Pensejarahan Baharu dengan memperlihatkan cara pengarang menggambarkan perjalanan perjuangan tokoh yang tidak disampaikan dalam teks sejarah seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut dan Tok Ku Paloh seperti mana yang terdapat dalam teks kreatif ini.
- iii) Membincangkan peranan serta kesan penjajahan daripada perspektif Pensejarahan Baharu melalui watak penjajah Inggeris iaitu Hugh Clifford atau dikenali sebagai Klipod dalam novel *ADDP*.
- iv) Membincangkan interaksi yang berlaku antara elemen kreatif dengan elemen sejarah dalam *ADDP*.

Berdasarkan kepada empat objektif utama yang tersenarai di atas adalah diharapkan kajian ini dapat membantu khalayak memahami fungsi dan peranan sejarah dalam teks kreatif secara lebih 'jelas' dan 'adil'. Istilah 'jelas' merujuk kejadian atau sesuatu peristiwa manakala 'adil' pula merujuk penilaian khalayak terhadap peristiwa yang tercetus dan dirakam dalam teks. Tugas pembaca bukanlah menghakimi baik buruknya sesuatu kejadian, sebaliknya pembaca perlu berfikiran rasional dalam menilai sesuatu peristiwa.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memperlihatkan penggunaan latar sejarah dalam penulisan kreatif yang boleh membawa kepada interpretasi yang lebih segar dan bersifat kontemporari. Secara tidak langsung, novel *ADDP* ini dapat diterokai dan difahami dalam konteks Pensejarahan Baharu sebagaimana pandangan Greenblatt (Veenstra, 1995: 178) yang melihat aspek sejarah itu lebih jauh dari elemen sejarah itu sendiri, bukan setakat rakaman atau fotokopi yang dianggap kaku dan lemah, namun sejarah itu mestilah memberi makna kepada kehidupan manusia di luar teks.

Seterusnya kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kefahaman khalayak terhadap teori Pensejarahan Baharu secara lebih dekat serta mengaplikasikannya dengan karya tempatan. Tambahan pula, aplikasi teori ini dalam karya tempatan sangat sedikit dan sukar untuk dijadikan rujukan. Sehubungan itu, diharap kajian ini akan mampu merapatkan jurang tersebut serta meletakkan karya tempatan setanding karya kreatif yang bersifat dinamik dan mampu diaplikasikan dengan pelbagai teori.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat mendidik khalayak melihat sesuatu kejadian secara kritis dan berfikiran rasional<sup>8</sup>. Dalam erti kata lain khalayak perlu memahami dan menilai sesuatu perkara secara lebih adil dan terbuka. Agenda penjajah sepertimana yang digambarkan dalam teks *ADDP* memecahbelahkan masyarakat demi kepentingan mereka. Datuk Bahaman yang merupakan orang kuat istana dan sahabat baik kepada sultan akhirnya dikategorikan sebagai pengkhianat hanya kerana fitnah yang dimomokkan oleh penjajah<sup>9</sup>. Justeru itu, diharapkan agar kajian ini akan membawa impak yang besar dalam memperlihatkan simbiosis yang terjalin antara elemen sejarah dengan karya kreatif dalam usaha mendekati khalayak terhadap sejarah perjuangan bangsa.

Kajian ini juga diharap dapat menambah khazanah penyelidikan terhadap tesis kesusasteraan berunsur sejarah. Aplikasi teori Pensejarahan Baharu terhadap novel sedemikian dijangka dapat membuka minda peminat kesusasteraan Malaysia. Hal ini secara tidak langsung mampu mendekati kembali generasi kini untuk mendekati, mengenali dan menghargai sejarah perjuangan tokoh-tokoh tanah air.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini berfokuskan aspek dalaman novel *ADDP*. Oleh kerana latar cerita teks ini bersumberkan sejarah, maka aspek pensejarahan akan diberikan perhatian

yang seiring dengan aspek dalamannya. Di samping itu, kajian ini juga akan mengambil kira faktor kepengarangan sebagai usaha memperlihatkan pemikiran yang cuba disampaikan dalam penulisan kreatif ini. Tujuannya adalah bagi melihat dan mencari kebenaran dalam membuktikan bahawa teks yang dibina berdasarkan konteks dan mempunyai impaknya yang tersendiri.

Bersandarkan Teori Pensejarahan Baharu kajian ini dijalankan bagi meneliti dan memperlihatkan kisah di sebalik sesuatu peristiwa sejarah. Kajian ini tidak bertujuan untuk mencabar dan mengubah mana-mana fakta sejarah. Sebaliknya tumpuan utama kajian adalah untuk memperlihatkan hubungan yang berlaku antara politik, ekonomi, sosial dan aspek-aspek estetika yang sentiasa bertentangan antara satu sama lain (Abdul Halim Ali, 2011: 42-43). Hal ini seiring dengan pandangan H. Aram Vesser (1989) yang turut melihat Pensejarahan Baharu daripada perspektif yang lebih luas turut mencakupi elemen sastera, etnografi, antropologi, seni, sains dan lain-lain disiplin ilmu. Vesser percaya bahawa sejarah dan budaya merupakan penyumbang terbesar kepada perubahan sosial masyarakat.

Ali Jusoh merupakan novelis yang kerap mengangkat pelbagai elemen kemasyarakatan khususnya kisah-kisah sejarah dalam karya-karyanya. Sebagai contoh, menerusi novel *Denyut Nadi* (1994) pengarang melakarkan kembali suasana kehidupan sosial masyarakat di Tanah Melayu ketika berada di bawah pemerintahan British, Jepun dan Bintang Tiga Komunis. Lakaran sejarah yang mendasari novel ini membolehkan khalayak turut sama merasai keperitan hidup masyarakat di zaman tersebut. Penyeksaan oleh tentera Jepun dan juga kekejaman komunis terhadap penduduk Tanah Melayu merupakan mimpi ngeri kepada penduduk di Tanah Melayu. Hal ini menjadikan penduduk Tanah Melayu kembali menerima kemasukan semula British ke Tanah Melayu. Pengalaman hidup penduduk Tanah Melayu di bawah tiga pemerintahan yang berbeza berjaya diadun sebatu oleh pengarang dalam novel ini.

Rakaman peristiwa bersejarah di dalamnya menjadikan *Denyut Nadi* bukan sekadar novel, ia juga boleh dianggap sebagai dokumen budaya yang sangat bermakna untuk generasi masa kini.

Menerusi novel *Alor Miang* (2012), Ali Jusoh mencitrakan segmen sejarah yang berlatarkan sebuah perkampungan di Terengganu iaitu *Alor Miang*. Perkampungan ini pernah wujud suatu ketika dahulu di Terengganu, namun kini ia telah lenyap dalam lipatan sejarah. Pengarang merakamkan latar masa selepas atau di awal kemerdekaan menerusi kampung ini. Alor Miang mempamerkan permulaan kepada pembinaan negara yang baharu mengecapi kemerdekaan. Dalam usaha memperkasa dan mengisi kemerdekaan, pergolakan serta konflik sosial yang melibatkan perkauman mula berlaku. Sebagai jalan perdamaian, Ali Jusoh menjadikan pendidikan sebagai formula universal serta agen perubahan yang mampu menyatu padukan semua masyarakat di *Alor Miang*.

Melalui *Bumi Harapan* (2004), pengarang cuba membangkitkan nostalgia silam tentang pergolakan yang berlaku di negeri Terengganu. *Bumi Harapan* berkisarkan sejarah silam Terengganu yang dikatakan telah mempunyai hubungan dagang dengan negara China. Novel ini memperlihatkan kepahlawanan dan kebijaksanaan orang Terengganu melalui watak Panglima Jenderis dan anaknya, Dandi. Kedua-dua beranak ini dikatakan sebagai individu yang bertanggungjawab membawa masuk peniaga China ke Terengganu. Novel ini juga memperkenalkan khalayak kepada Imam Abdullah sebagai individu yang dikatakan bertanggungjawab mewariskan batu bersurat Terengganu. Ali Jusoh juga dilihat berjaya mengadun elemen sejarah melibatkan Terengganu dan China. Tindakan ini secara tidak langsung menjadikan novel ini sarat dengan informasi yang mendatangkan manfaat kepada pembaca.

Berdasarkan contoh-contoh novel sejarah di atas, boleh disimpulkan novel-novel tersebut lebih bersifat rakaman semula peristiwa sejarah yang dialami oleh penduduk-penduduk di Tanah Melayu, khususnya di Terengganu. Tokoh-tokoh yang disentuh dalam novel-novel tersebut lebih bersifat lokal dan terpencil namun memberi impak kepada sejarah dan budaya di Tanah Melayu. Sebagai contoh, Imam Abdullah yang dikatakan individu yang bertanggungjawab terhadap monumen batu bersurat Terengganu. Peranan serta sumbangan beliau sekali imbas hanya tertumpu di Terengganu, namun intipatinya menerangkan tentang kemasukan Islam dan penyebarannya di Terengganu. Hal ini amat signifikan sama seperti kisah yang diangkat dalam novel *ADDP*. Walaupun pada asasnya *ADDP* merupakan sebuah karya yang berlatar belakangkan sejarah, namun penggunaan nama serta watak-watak dalamnya dilihat selari dengan catatan sejarah tanah air. Oleh yang demikian, penelitian terhadap novel ini dilihat penting sebagai usaha memaknakan kembali sejarah lampau daripada perspektif baharu.

*ADDP* tidak sahaja merakamkan kembali sejarah kebangkitan Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah di Pahang, malahan ia juga turut menjungkir kembali sejarah yang sedia ada. *ADDP* juga dilihat sebagai sejarah alternatif yang mampu mencabar catatan sejarah sedia ada. Pengarang mempamerkan kehebatan bangsa Melayu yang berdaya saing dan mapan sifatnya melalui watak Bahaman, Mat Kilau, Tok Gajah dan Tok Ku Paloh. Ali Jusoh juga berjaya memperlihatkan ‘wajah’ sebenar Inggeris yang sentiasa licik dengan pelbagai muslihat. *ADDP* merangkumkan kisah dendam Inggeris yang terhadap perjuangan Bahaman. Dendam Inggeris terbalas dengan cara yang cukup licik dan jijik. Inggeris menjadikan anak Bahaman sendiri sebagai ‘barua’ atau alat untuk melaksanakan misi kotor Inggeris di Tanah Melayu. Untuk itu, Bahaman perlu berjuang menentang Inggeris dan sekaligus anaknya sendiri yang berpihak kepada mereka. Zuriat Bahaman adalah simbolik kepada anak bangsa

yang telah diracun pemikirannya oleh Inggeris. *ADDP* juga dilihat satu-satunya karya Ali Jusoh yang telah berjaya ‘memenangkan’ dan ‘mengembalikan maruah’ Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah. *ADDP* menjadikan Bahaman sebagai wira bangsa dan secara tuntasnya melunturkan gelaran ‘penderhaka’ sebagaimana dilabel Inggeris serta dipersetujui pihak istana Pahang.

## 1.6 Teori dan Metodologi

Teori Pensejarahan Baharu merupakan hasil daripada kesedaran bahawa aspek pensejarahan tidak boleh diketepikan dalam berhadapan dengan teks-teks sastera. Teori ini kembali mengajak masyarakat sastera masuk ke dalam sejarah. Pengkaji sastera aliran ini membuktikan bahawa dengan mengkaji sastera zaman *Renaissance* serta sejarahnya mampu mengembalikan martabat serta kedudukan bangsa Eropah. Fahaman ini tidak melihat sejarah sebagai sejarah, tetapi sebagai sesuatu yang direpresentasikannya. Fahaman teori ini juga cenderung dipengaruhi oleh fahaman Marxist. Sebelum dikenali sebagai Pensejarahan Baharu, teori ini lebih dikenali dengan *cultural poetics* dan juga *literary materialism*.

Greenblatt (1989) mula memperkenalkan teori Pensejarahan Baharu semasa menjalankan redaksi esei-esei berkaitan *English Renaissance*. Istilah ini semakin diterima dan berkembang sebagai teori moden dalam kesusasteraan. Terdapat pelbagai istilah atau nama lain yang digunakan bagi merujuk Pensejarahan Baharu. Di Australia teori ini disebut sebagai *Neohistoricism*, manakala di Britain teori ini diterima sebagai *Cultural Poetics*. Berpandukan teori ini, Greenblatt menegaskan wujudnya perkaitan antara teks dengan konteks latar dan masa sesebuah penulisan. Dalam hal ini, bacaan Pensejarahan Baharu lebih menumpukan faktor-faktor luar teks yang melibatkan budaya, sistem sosial politik dan persekitaran yang turut menjadi agenda utama dalam ‘mendekonstruksikan’<sup>10</sup> keobjektifan sejarah itu sendiri. Dalam erti kata lain,

Pensejarahan Baru membawa kepada keterbukaan sesuatu fakta dan bersifat dinamik berbanding ‘*Old Historicism*’<sup>11</sup> yang meletakkan sejarah bersifat monumental dan konkrit.

Menurut Greenblatt kelemahan Pensejarahan Lama adalah kritiknya hanya melihat aspek-aspek sejarah sebagaimana ia dirakamkan dan ditulis oleh ahli sejarah tentang peristiwa-peristiwa benar dan sebagaimana peristiwa itu berlaku. Manakala menerusi Pensejarahan Baru, Greenblatt melihat sejarah daripada perspektif yang lebih luas serta bersifat dinamik. Menurut beliau, sejarah bukan sekadar rakaman atau fotokopi yang dianggap kaku dan lemah, sebaliknya sejarah itu mestilah memberi makna kepada kehidupan manusia di luar teks. Oleh yang demikian, Pensejarahan Baru turut dilihat membincangkan pelbagai aspek seperti budaya, sejarah, kesusasteraan dan lain-lain elemen dalamnya. Hal ini kerana elemen-elemen tersebut bakal menyumbang serta membantu memutuskan dan menentukan makna dan fungsi teks.

Greenblatt turut memperkatakan tentang ‘rundingan’ atau ‘*negotiation*’ sebagai menjelaskan perkaitan yang wujud antara suara pengarang dengan fakta atau catatan sejarah dalam sesebuah karya sastera. Hal ini menunjukkan karya sastera tidak bersifat polos dengan hanya bersandarkan imaginasi pengarang semata-mata. Sebaliknya karya sastera lahir daripada interaksi yang berlaku antara pelbagai sumber seperti sejarah, budaya, politik, termasuklah juga pemikiran pengarang serta latar belakangnya. Halls turut menyatakan bahawa “*Literature is not simply a product of history, it also actively makes history*” (Bertens, 2001:177). Sehubungan dengan ini, karya sastera dapat dianggap sebagai jambatan yang dapat menghubungkan masyarakat dengan sejarah di samping membolehkan masyarakat masa kini dapat memahami sejarahnya dengan lebih baik dan bermakna.

Hashim Ismail (2003) juga menjelaskan Pensejarahan Baharu menyumbang kepada dekonstruksi sejarah, khususnya bagi masyarakat pascakolonial yang berada di Timur. Kelompok masyarakat tersebut harus memperbetulkan bukti-bukti sejarah lampau yang diselewengkan untuk tujuan penjajahan. Jika tidak dapat berbuat demikian secara fakta, pastinya secara imaginasi fiksyen dapat mengembalikan maruah bangsa, atau sekurang-kurangnya menimbulkan kesedaran terhadap perspektif sejarah yang '*bias*' sebelum ini. Sejarah daripada zaman kolonial adalah dalam kerangka kuasa satu pihak. Hal ini selaras dengan keperluan Pensejarahan Baharu yang mengagaskan agar sejarah difahami dari sudut masyarakat marginal yang sebelum ini tidak dapat bersuara.

Louis Montrose (1989) menjelaskan Pensejarahan Baharu sebagai '*textuality of history and historicity of text*' bagi membina sebuah sejarah alternatif. Merujuk definisi di atas, '*historicity of text*' bermaksud segala wacana yang berada di sekeliling akan membentuk sesebuah teks sastera. Manakala '*textuality of history*' pula menjadikan sejarah tidak bersifat rigid dan boleh ditafsirkan dengan pelbagai maksud. Keterbukaan dalam menginterpretasi sejarah juga dilihat sebagai penyumbang kepada dekonstruksi keobjektifannya sebagaimana yang ditanggapi dan difahami oleh pensejarahan konvensional. Menurut Montrose, teori dekonstruksi dalam Pensejarahan Baharu merupakan alat bagi menganalisis ideologi seperti yang digunakan oleh dekonstruksi untuk meruntuhkan struktur binari yang menjadi pusat kepada pemikiran tradisional Barat (Sohaimi Abdul Aziz, 2000:131).

Selain membincangkan dekonstruksi sejarah, perspektif ini juga menekankan persoalan kekuasaan dan budaya. Greenblatt dalam Hashim Ismail (2003) menyarankan Pensejarahan Baharu sebagai satu kaedah untuk memahami kebudayaan sesuatu zaman. Kuasa sosial sebenarnya berada pada kuasa kebudayaan masyarakat yang menghasilkan teks tersebut. Oleh itu teks perlu dilihat kembali dari aspek-aspek

kebudayaan secara sejarah yang mewakili zamannya. Pendekatan ini juga menyarankan kecenderungan untuk mengemukakan kembali kumpulan marginal dan perlakuan nonnormatif yang sebelum ini disisihkan oleh kekuasaan politik, dan mereka cenderung untuk mengangkat semula ‘*The Other*’ yang mungkin sebelum ini dari segi sejarahnya dianggap subversif.

Menurut Siti Aisyah Mohamed Salim dan Ungku Maimunah Mohd Tahir (2014), Pensejarahan Baharu pada mulanya dipengaruhi oleh wacana kekuasaan yang dipelopori oleh Michel Foucault. Hubungan antara wacana kekuasaan dengan sastera disebut oleh Bertens iaitu :

*“Literature does not simply reflect relations of power, but actively participates in the consolidation and/or construction of discourses and ideologies, just as it functions as an instrument in the construction of identities”.*

(2001:177)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa karya sastera bukan sahaja mencerminkan kuasa tetapi secara aktif terlibat dalam pembentukan serta pemantapan kuasa, sama seperti peranannya dalam membina identiti. Keadaan ini jelas menunjukkan penghasilan karya sastera dipengaruhi oleh persekitarannya. Hubungan ini mempamerkan aktiviti tersebut tidak bersifat polos semata-mata, bahkan sastera juga turut menyerlahkan wacana dan ideologi yang dianuti oleh pengarang dalam proses pengkaryanya.

Seterusnya, Siti Aisyah Mohamed Salim dan Ungku Maimunah Mohd Tahir turut menjelaskan lagi bahawa Pensejarahan Baharu sebagai kaedah untuk melihat keselarian teks sastera dengan sejarah. Keselarian ini menjadikan kedua-dua teks tersebut mempunyai kepentingan yang sama dalam memaknakan dan menghidupkan pemikiran pengarang. Kenyataan tersebut adalah sepadan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Roger Webster iaitu Pensejarahan Baharu sebagai suatu sejarah alternatif yang baharu, terhadap huraian dan amalan sejarah konvensional (2004: 93). Kenyataan Webster menunjukkan bahawa karya sastera daripada perspektif Pensejarahan Baharu menyediakan suatu bentuk sejarah yang berbeza daripada sejarah

konvensional. Malahan dalam pandangan teori ini, sejarah dan sastera adalah setara (Sakinah Abu Bakar, 2010: 322).

Mana Sikana (2013:57) menjelaskan bahawa Pensejarahan Baharu menggunakan sejarah sebagai unsur alegori, metafora dan citra untuk subjek terkini. Bagi Pensejarahan Baharu, subjek sejarah didialektikkan antara masa lalu dengan masa kini. Kedua-duanya saling pengaruh dan mempengaruhi dengan masa lalu mencorakkan masa kini dan membentuk makna baharu bagi masa lalu. Sejarah bagaikan sebuah hidangan yang diselerakan dengan resipi dan cara masakan yang baharu. Sehubungan dengan ini, Pensejarahan Baharu menelusuri apa yang dimaksudkan *past significance present meaning*, iaitu menyusur masa silam dengan memberikan makna kekinian. Mana Sikana juga menegaskan bahawa kelahiran teori ini adalah didorong oleh kemunculan teks pascamoden yang dinamakan metahistoriografi atau teks metafiksiyen, malah disebut juga sebagai historiografi metafiksiyen. Dari segi istilah, historisisme dengan historiografi memiliki kata dasar yang sama iaitu *history* (sejarah). Kemunculan teks berupa sejarah atau penggalian terhadap masa silam merupakan salah satu ciri pascamodenisme. Sebagaimana Michel Foucault sendiri mengemukakan teori afrodesiatik, yang bermaksud kembali ke masa lalu. Foucault (1980:81-82) juga berpendapat bahawa kekuasaan dapat digerakkan melalui kesedaran kesejarahan, iaitu dengan kembali dan belajar daripada sejarah.

Pensejarahan Baharu juga berpegang kepada prinsip *knowledge* atau pengetahuan berkaitan sejarah semestinya melalui teks-teks yang telah ditulis oleh pengarang terdahulu. Bressler (2003) menjelaskan bahawa *all history is subjective written by people whose personal biases affect their interpretation of the past*. Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa wujudnya kesendengan atau bias dalam menginterpretasi sesebuah pensejarahan. Oleh hal yang demikian, Pensejarahan Baharu membawa pendekatan yang lebih pragmatis dalam menginterpretasi sejarah

serta menghubungkannya dengan masa kini. Malahan perspektif ini juga memperlihatkan hubungan rapat antara teks dengan persekitarannya yang perlu diberi perhatian oleh pengkaji. Langkah ini dapat membantu membina tafsiran yang lebih adil dan bermakna.

Usaha ini berpadanan dengan saranan pemuka teori ini yang melihat sastera dan sejarah sebagai sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Greenblatt menegaskan wujudnya pelbagai elemen yang melingkari teks sastera:

*Social and cultural practices surrounded the text. A textual representation or a literary text, therefore, is product of its negotiation with history and cultural exchange which becomes an interesting site for New Historicists. Obviously, history cannot be known except through linguistic intervention and literature cannot be understood without having knowledge of its historical context.*

(Narendra Tiwary & N.D.R Chandra, 2009: 79)

Pandangan tersebut menjelaskan wujudnya simbiosis sastera dengan sejarah yang saling melengkapi. Terhasilnya teks sastera adalah dengan wujudnya sistem sosial dan budaya yang melingkarinya. Hal ini secara tidak langsung menjadikan teks sastera sebagai dokumen sosial serta budaya yang menjadi tumpuan pengkaji serta pendokong Pensejarahan Baharu.

Jonathan Hart (1991) dalam artikelnya berjudul *New Historicism: Taking History into Account*, menyatakan bahawa untuk melihat sebuah teks daripada perspektif Pensejarahan Baharu, sesebuah karya perlu mencerakinkan elemen-elemen baharu pensejarahan bagi memperlihatkan wujudnya perbahasan. Hal ini adalah sepadan dengan pandangan Fish (1991) iaitu “...for historicism to be new, it must assert a new truth and thus oppose, correct, or modify a previous one but new truth cannot be methodological”. Berdasarkan pandangan Hart dan juga Fish, jelas menunjukkan wujudnya hubung kait unsur sejarah dengan sesebuah karya sastera. Situasi ini mempamerkan kehadiran karya sastera sebagai sejarah alternatif yang berfungsi sebagai pelengkap atau sebaliknya kepada sejarah semasa.

Selanjutnya, Hart juga menegaskan dalam menerima sesebuah karya sebagai memenuhi kriteria Pensejarahan Baharu, maka seharusnya teks yang dibangunkan memiliki latar sejarah atau anekdot yang membawa kepada tercetusnya sesuatu peristiwa dan akhirnya membawa kepada nilai sejarah yang tersendiri. Pandangan ini adalah bertepatan dengan kenyataan beliau yang menegaskan bahawa *New Historicism constitutes a complex and indirect practice that encourages a plurality of methods and interests, displays the ability to change and shows the power to endure* (1991: 105). Pandangan tersebut bermaksud amalan Pensejarahan Baharu sebagai satu cara yang kompleks dan merupakan amalan tidak langsung yang menjadi pemangkin kepada pelbagai kaedah serta kepentingannya. Keadaan ini menunjukkan keupayaan Pensejarahan Baharu untuk memberikan tafsiran baharu yang mempamerkan keupayaan untuk mengubah dan melestarikannya. Lantaran itu, wujudnya pelbagai spekulasi yang boleh diperdebatkan serta berkembangnya pelbagai pandangan serta idea-idea baharu dalam menjelaskan sesuatu kejadian yang dianggap memiliki nilai dalam sejarah. Demikian juga menurut Montrose (1989) yang bertanggung bahawa sejarah ialah satu rekonstruksi tekstual tentang masa lalu, maka secara materialnya sejarah tidak mempunyai autoriti. Dengan demikian, sejarah benar-benar terbuka kepada sebarang makna dan tafsiran.

Sehubungan dengan itu, mendekati *ADDP* daripada perspektif Pensejarahan Baharu mampu merungkai pelbagai hipotesis yang melingkarinya. Hal ini kerana, *ADDP* dikemukakan sebagai novel yang sarat dengan persoalan kuasa politik serta agenda kolonial di Tanah Melayu. Sejajar dengan ini, pengeledahan teks daripada perspektif Pensejarahan Baharu dijangka mampu membuka serta memberi tafsiran yang lebih segar dan adil terhadap banyak pihak yang terlibat dalam pensejarahan Pahang khususnya, serta secara umumnya dalam membicarakan kemerdekaan Tanah Melayu sehingga terbentuknya Malaysia. Justeru itu, pembacaan Pensejarahan Baharu

terhadap novel *ADDP* mampu memberi manfaat kepada generasi masa kini dalam memahami sejarah lampau.

Metodologi yang diterapkan lebih bersifat Kajian Kepustakaan (*library research*) dalam usaha mendapatkan bahan rujukan bagi membantu kupasan teks serta memantapkan aplikasi teori terhadap novel ini. Kajian ini dijalankan dengan membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia dan sebagainya lagi. Sehubungan dengan ini, kajian ini juga akan menggunakan bahan rujukan daripada sumber seperti buku-buku sejarah, jurnal-jurnal sama ada bercetak mahupun yang diterbitkan secara atas talian dan pelbagai sumber lain yang bersesuaian. Selain itu, satu lagi metodologi yang diselarikan dalam penulisan ini adalah dengan membuat kajian luar melalui temu bual bersama penulis bagi mendapatkan buah pandangan serta penjelasan terhadap sebarang kesamaran yang wujud dalam karya ini.

Di samping itu, penelitian ini juga turut menjadikan tiga buah buku sejarah sebagai panduan iaitu *Sejarah Pahang* oleh Haji Buyong Adil (1972), *Pemberontakan Pahang 1891-1895* oleh Jang Aisjah Muttalib (1972) dan *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1930* oleh Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath (1992). Justeru itu, rekonstruksi sejarah dalam *ADDP* akan diselarikan bacaannya dengan catatan sejarah yang terdapat dalam buku-buku sejarah yang disebutkan di atas. Langkah ini menjadikan skop kajian lebih berfokus terhadap latar sejarah yang dikembangkan dalam novel *ADDP* dengan bacaan selari fakta-fakta sejarah.

## 1.7 Kajian Lepas

*ADDP* (2007) merupakan sebuah karya yang sarat dengan lakaran perjalanan perjuangan bangsa Melayu dari cengkaman penjajah. Sehubungan dengan itu, melalui pendekatan Pensejarahan Baharu, novel ini bakal memperlihatkan wujudnya perkaitan yang sangat rapat antara elemen sejarah perkembangan bangsa dan elemen kesusasteraan yang tersurat dalamnya. Secara tidak langsung karya ini dapat menyerlahkan kewujudan interaksi antara teks dengan konteks iaitu yang membuktikan bahawa sesebuah karya tidak wujud secara bersahaja, sebaliknya sesebuah karya tercetus dengan pengaruh latar dan masa sebagaimana novel *ADDP*.

Merujuk pandangan Daniel Baker (2011) tentang karya bersifat sejarah kontemporari iaitu *Jonathan Strange and Mr. Norrell*<sup>12</sup>, beliau menyatakan bahawa wujudnya elemen sejarah dalam penulisan tersebut dengan meletakkan sejarah sebagai sebuah fantasi atau *History as Fantasy: Estranging the Past in Jonathan Strange and Mr. Norrell*. Selain itu beliau juga berpandangan bahawa "...history can be written and re-written". Berdasarkan pandangan ini, secara langsung menunjukkan wujudnya penerapan elemen sejarah dalam sesebuah karya serta menjelaskan bahawa sejarah boleh ditulis tidak hanya merujuk pada masa berlakunya sesuatu kejadian sebaliknya juga boleh ditulis dalam konteks semasa. Hal ini menjadikan cerita sejarah tidak hanya dirujuk kepada kejadian masa lampau semata-mata, sebaliknya dengan asosiasi elemen sejarah dalam sesebuah penulisan menjadikan sejarah itu bersifat kontemporari. Kenyataan ini disokong dengan pandangan Baker iaitu "*using history as a fictional device, contemporary historical fiction creates doubling effect; it uses a 'then' to talk about a 'then' and a 'now'*". Berdasarkan pernyataan beliau, dapat dikatakan bahawa elemen sejarah itu sendiri dapat diguna pakai dan diulang-ulang penulisan dalam menyata dan menyampaikan sesebuah mesej. Malahan aspek penyalinan dan penulisan semula elemen sejarah itu sendiri membawa kepada makna

yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, novel *Jonathan Strange and Mr. Norrell* boleh dianggap sebagai “*an example of contemporary historical fiction, a story. As its most general, pure level then, history can be seen exist as a narrative*”; justeru itu, melalui Pensejarahan Baharu, sebagaimana ditegaskan oleh Greenblatt:

*The text relation with its context can be seen. It includes: social practice which is confirmed by text, social comprehension which becomes the basic of the text, and the freedom of thought which can be shown in the text.*  
(Baker, 2011: 17)

Pernyataan di atas bermaksud bahawa kaitan atau hubungan teks dengan konteksnya dapat dilihat. Terangkum bersamanya amalan sosial yang disahkan oleh teks, kefahaman sosial yang menjadi asas teks serta kebebasan pemikiran yang juga boleh dilihat di dalam teks. Hal ini menjadikan interpretasi sesebuah teks mampu meninggalkan impak yang lebih besar dan bermakna.

C.G. Shyamala (2012) dalam penulisan beliau berjudul *Class and Gender Conflicts in Tendulkar's Kanyadaan: A New Historicist Perspective* menjelaskan perhubungan karya dengan pengertian Pensejarahan Baharu. Menurut Shyamala, *Kanyadaan* merupakan sebuah karya yang merakamkan kerencaman suasana kehidupan serta budaya kasta masyarakat India. Karya ini merupakan testimoni yang dapat menceritakan semula budaya dan kehidupan masyarakatnya. Hal ini secara tidak langsung membuktikan peri pentingnya karya sastera sebagai dokumen sosial yang dapat menyampaikan kisah lampau. Selanjutnya lagi, beliau juga menegaskan wujudnya hubungan antara hasil-hasil penulisan yang membuka mata masyarakat iaitu *literary works may reveal various factual aspect of the world*. Beliau turut berpandangan bahawa karya yang diketengahkan hendaklah mampu menjadi alat bagi menyampaikan maksud:

*Expressions and reflection on life are portrayed through literature. The theatre has often infused radical thought and succinctly exposed social hypocrisy, violence and inequalities, the onus being accorded to socially conscious playwrights. ...A New Historicist reading exposes the double standards and subversion rendering the play its social and contemporary relevance.*